

04/11/1998

PM mahu agensi penarafan dikawal

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tidak menolak kemungkinan wujud pakatan sulit dalam tindakan agensi penarafan antarabangsa menurunkan penarafan sesebuah negara, mahukan aktiviti penarafan dikawal selia.

Menurut Perdana Menteri, tindakan agensi penarafan antarabangsa banyak menyebabkan kerosakan kepada ekonomi sesebuah negara.

Agensi ini, kata beliau, sepatutnya membuat penarafan atas permintaan bagi mempermudah urusan penentuan jual-beli sesebuah syarikat atau pembiayaan bank.

"Saya tidak menyatakan wujud konspirasi tetapi sudah tentu hasilnya seolah-olah ada pakatan sulit," katanya dalam majlis dialog pada hari terakhir `Persidangan Antarabangsa Menangani Krisis Asia: Pengajaran dan Cabaran' di sini.

Moody's Investors dan Standard & Poor's sebelum ini menurunkan penarafan kedaulatan Malaysia kepada BBB- yang menyukarkan negara membuat pinjaman asing dan terdedah kepada kadar faedah terlalu tinggi.

Berikutan itu, usaha Malaysia mendapatkan pinjaman asing termasuk melalui terbitan bono bagi mendapat sumber untuk Pengurusan Danaharta Bhd (Danaharta) dan Danamodal Nasional Bhd (Danamodal) terpaksa dibatalkan.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, Malaysia seperti juga beberapa negara lain, kini menghadapi masalah ekonomi dan banyak syarikat serta bank bermasalah sehingga mendorong penubuhan dua syarikat pengurusan aset itu bagi menyuntik modal bank.

"Sudah tentu kita perlu meminjam wang. Penarafan kita adalah tinggi tetapi sebaik saja kita menubuhkan dua agensi ini dalam usaha untuk memulihkan bank dan syarikat, agensi penarafan atas usaha sendiri, membuat penarafan dan menurunkan keupayaan kita.

"Mengapa mereka berbuat demikian jika tidak untuk menghalang kita daripada meminjam dan menggunakan wang untuk memulih bank, syarikat. Mereka seolah-olah berusaha untuk menghalang (ekonomi) kita daripada pulih.

"Tiada apa yang dapat kita buat. Kita berupaya menguruskan pedagang mata wang, mengekang kegiatan jualan singkat terhadap saham kita tetapi agensi penarafan ini, sebaik mereka membuat penarafan terhadap negara, semua orang akan pergi mengikut penarafan yang mereka tentukan.

"Ini menyebabkan kita sukar membuat pinjaman. Kita bernasib baik kerana mempunyai wang sendiri yang mencukupi bagi membiayai Danaharta dan Danamodal tetapi kita masih lagi perlu untuk meminjam atas sebab lain," katanya.

Beliau berkata, agensi penarafan antarabangsa itu tidak pernah mendedahkan apakah asas sebenar mereka membuat penarafan dan jika ada, sudah pasti akan diketahui supaya langkah pembetulan dapat dilakukan.

Dr Mahathir berkata, mereka melakukannya secara rahsia dan mereka datang menemui pelbagai pihak seperti Gabenor Bank Negara dan menteri-menteri.

"Saya berpendapat, sudah tiba masanya agensi penarafan ini dikawal selia. Apabila mereka menurunkan penarafan sesebuah negara, negara itu menjadi lebih miskin kerana mereka mempunyai kuasa sebegitu rupa sehingga kita tidak dapat berbuat apa-apa.

"Oleh itu, agensi penarafan tidak harus membuat penarafan kecuali mereka diminta berbuat demikian oleh mana-mana institusi. Inilah mulanya apabila agensi itu wujud iaitu membuat penarafan atas permintaan seseorang yang

ingin membeli sesuatu institusi atau syarikat.

"Maka ini sudah tentu akan membantu pembeli untuk menentukan sama ada nilai pembelian itu baik atau tidak. Bank yang ingin mengeluarkan pinjaman juga ingin tahu sama ada pembiayaannya ke institusi, syarikat atau sesebuah negara itu bernilai atau tidak bagi menentukan kadar faedah," katanya.

Beliau berkata, apabila mereka melakukan itu, mereka juga boleh memalukan orang lain, menyebabkan keadaan semakin sukar dan agensi ini pergi ke merata tempat membuat penarafan.

"Saya tidak tahu apakah (tahap) penarafan saya. Saya yakin apabila saya nak meminjam, saya akan terpaksa membayar kadar faedah 200 atau 300 peratus lebih tinggi. Saya yakin mereka menurunkan penarafan saya sekarang berbanding yang lain," katanya secara berseloroh.

Selain meminta badan itu dikawal selia, beliau juga mahukan kegiatan agensi terbabit dalam membuat perkiraan penarafan lebih telus dan tidak harus disiarkan dalam akhbar.

(END)